

PESERTA Kem Matematik INSPEM 2014 membuat pembentangan ketika aktiviti latihan dalam kumpulan di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.



INSTITUT Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Kem Matematik INSPEM 2014 di bawah Laboratori Sains Berkomputasi dan Fizik Bermatematik baru-baru ini.

Program yang dianjurkan bersama pihak Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah (SERATAS), Taiping, Perak ini berlangsung dengan jayanya.

Seramai 75 pelajar tingkatan lima dan lima guru SERATAS telah menyertai program yang turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Matematik, Fakulti Sains, UPM dan Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA).

Melalui program ini, INSPEM berperanan membantu memperluas pengalaman pelajar sekolah menengah dalam penerokaan ilmu berfokus dalam bidang matematik.

Selaras dengan tema program iaitu *Penerokaan Matematik Menjangkau Pengetahuan*, program yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk membimbing pelajar yang berpotensi cemerlang dengan memberi pendedahan yang meluas dalam ilmu pengetahuan matematik.

Kem Matematik yang telah dirasmikan oleh Pengarah INSPEM, Prof. Datuk Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan merupakan program julung kali diadakan oleh INSPEM.

“Berkongsilah pengalaman bersama rakan-rakan lain dan berilah panduan yang diperolehi kepada mereka agar lebih ramai yang mendapat manfaatnya,” katanya.

Program yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Zanariah Abdul Majid merangkap Pengerusi jawatankuasa program, turut dibantu beberapa orang pensyarah iaitu Prof. Dr. Habshah Midi, Prof. Madya Dr. Muhammad Rezal Kamel Ariffin, Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail, Prof. Madya Dr. Hishamuddin Zainuddin dan Prof. Madya Dr. Lee Lai Soon.

Seramai 10 fasilitator dalam kalangan pelajar pascasiswazah INSPEM dilantik untuk mengendalikan aktiviti semasa perjalanan Kem Matematik ini.

Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan 11 slot.

Slot aktiviti itu termasuklah siri ceramah, bengkel pengenalan kepada Matlab dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam bentuk latihan dalam kumpulan (LDK).

Antara aktiviti LDK yang telah

dilaksanakan oleh pelajar adalah Tangram, 'Treasure Hunt', 'Secret Writing', 'Anamorphosis (projective geometry)', 'Möbius strip (geometry of spin)', 'Knot game', 'Gravityless water bottle experiment' dan 'Amazing statistics'.

Bidang ilmu dalam sains bermatematik yang telah diberi tumpuan adalah bidang sejarah sains matematik, analisis berangka, fizik bermatematik, kriptografi dan keselamatan maklumat, statistik, dan falsafah bermatematik dalam bentuk siri ceramah dan aktiviti LDK.

Sepanjang kem berlangsung, para peserta juga turut diberi kesempatan untuk melawat kampus UPM.

Penghulu program, Mohamad Taufiq Mohd Noor semasa sesi kesimpulan pada hari ketiga berkata, kem ini sangat membuka minda dan telah menyedarkan peserta tentang kehebatan aplikasi matematik dalam dunia sebenar.

Secara keseluruhannya, peserta yang hadir telah memberi penilaian yang sangat positif dalam pelaksanaan program ini dari segi pengisian program, penyampaian penceramah, kefahaman ilmu yang

diperoleh dalam seminar dan aktiviti LDK.

Diharapkan melalui kem ini telah memberi kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan matematik dalam sains dan teknologi.

Guru Kanan Teknik dan Vokasional yang mewakili Pengetua SERATAS, Ahmad Azmi semasa majlis perasmian penutup berkata, matematik bukan pada pengiraan semata-mata, program ini telah berjaya mengubah minda pelajar untuk lebih menghargai matematik.

“Program ini juga telah berjaya memberi manfaat dalam meningkatkan kemahiran diri dan mencungkil potensi diri ke arah mencapai kecemerlangan dari segi minda, jasmani, rohani dan emosi.

“Semoga usaha murni ini dapat menyumbang kepada kemajuan sains matematik pada masa hadapan,” katanya.

INSPEM merupakan sebuah institusi penyelidikan yang fungsinya mengkhusus kepada penyelidikan dalam bidang sains matematik yang dapat menyumbang ke arah pembangunan dan pembudayaan sains matematik demi untuk peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan sejagat.

Kem Matematik UPM -Inspem

Membantu membimbing pelajar dengan memberi pendedahan dalam ilmu pengetahuan matematik